UCAPTAMA II

Hadd al-Kifāya(حد الكفاية): Cabaran Konseptualisasi Patuh Syariah dan Alternatif Panduan Garis Kemiskinan Negara¹

Dr Hasan bin Ahmad

Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang hasanahmad@ump.edu.my

Abstrak

Konsep *Hadd al-Kifāyah* (HK) (Ar. حد الكفاية) atau Tahap Kecukupan Saraan (TKS) merupakan teori dan amali ekonomi fundamental yang berpaksikan pemikiran Islam yang telah terbentuk sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW. Ia telah berjaya meletakkan garis panduan kifayah/kecukupan kepada individu, keluarga dan masyarakat di seluruh pelusuk jajahan Islam pada ketika itu. Konsep HK ini merupakan standard (piawaian) penting dalam penentuan standard kecukupan saraan bagi setiap ahli isirumah. Amalan teori HK digunakan bagi tujuan pembebasan kemiskinan ekonomi gologan fakir dan miskin dan meningkatkan tahap ekonomi mereka kepada tahap *kifayah*. Kertas kerja ini akan merungkai proses konseptualisasi HK/TKS berasaskan masādir (premier source) dan marāji' (secondary reference) asas dalam literatur Islam klasik dan moden. Suatu kerangka kefahaman perlu dibangunkan dalam perkara ini bagi membolehkan istilah Had al-Kifayah menjadi istilah pilihan dan garis panduan terbaik bagi menggantikan istilah seperti perbelanjaan sara hidup ('cost of living' atau 'living expenses') yang digunakan oleh masyarakat sekular yang hanya berdasarkan perspektif kemewahan harta/ekonomi yang tidak selari dengan batas syariat. Perbahasan dan kaedah kifayah dari segi etimologi dan terma menemukan banyak rujukan yang dibahaskan oleh ulama silam dan semasa. HK pada asasnya adalah subjektif kerana ia tertakluk kepada masa dan tempat namun formula alma'rūf (Ar. المعروف) adalah penyelesaian yang sangat dinamik bagi HK dalam teori ekonomi Islam. Kajian pengukuran HK ini juga berdasarkan kepada Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP) oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang diselaraskan dengan Deklarasi Umum Hak Asasi Manusia 1948 yang tidak bertentangan dengan Islam. Bahagian kedua kertas ini mengesyorkan dapatan dari kajian Had al-Kifayah negeri Pahang 2012 sebagai garis panduan umum bagi tolakan zakat berdasarkan pengiraan HK/TKS yang patuh syariah dan menepati hukum *ma'rūf* atau *'urf.* Garis panduan ini juga boleh menjadi alternatif kepada kaedah tolakan yang selama ini tidak berpandukan HK yang disarankan oleh Islam.

Katakunci: Had al-Kifayah, fakir dan miskin, istilah, al-ma'rūf, alternatif, garis panduan.

¹ Ucaptama Persidangan Kebangsaan Zakat dan Pembangunan Ekonomi Islam (NCOZ 2015) di MS Garden Kuantan (1 Jun 2015)

بسم الله الرحمن الرحيم السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hadirin persidangan ICONZ2015,

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tajuk ucaptama yang akan saya bentangkan ialah pada hari ini ialah: Ḥadd al-Kifāya: Cabaran Konseptualisasi Patuh Syariah dan Alternatif Panduan Garis Kemiskinan Negara

1. Muqaddimah

Manusia adalah entiti terpenting dalam kejadian alam. Manusialah punca kepada tatacara alam dan manusialah penyembah Allah dan penunai segala tuntutan Allah di muka bumi. Tanpa manusia tiada erti dunia dan sebab itu Allah tidak menjadikan manusia untuk main-main dan sia-sia.² Manusia menanggung peranan yang sangat besar apabila ia dipilih sebagai khalifah Allah. Sesungguhnya jiwa manusia yang dijadikan Allah sebagai khalifah tidak hanya dituntut memenuhi keperluan paling asas mereka sahaja. Sifat manusia yang sesuai dengan dinamika akal yang dibekalkan oleh Allah menjadikannya berperanan sebagai khalifah bertanggung jawab yang sebagai pembangun/pemakmur muka bumi dengan kelengkapan dan kemudahan dalam kehidupan seharian. Oleh itu manusia dituntut untuk berusaha sekuat mungkin bagi memenuhi keselesaan hidupnya dalam berbagai aspek keperluan untuk menjadi anggota masyarakat yang mendapat keadilan di setiap sudut kehiduan seperti ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, logistik, kesihatan, politik, perhubungan dan sebagainya sesuai dengan kedudukannya sebagai khalifah Allah.

Asy-Syahid Sayyid Qutb mentafsirkan dalam kitab tafsir Fi zilalil Quran Surah al-Bagarah ayat 30 :

² Surah al-Qiyāmah : Āyat 36

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةٌ قَالُوۤاْ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكُ قَالَ إِنِّيَ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ٣٠

30. Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?. Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

"Di sini iradat yang Maha Tinggi mahu menyerahkan kepada makhluk yang baru di lahirkan ke alam al-wujud ini sebagai teraju khalifah di bumi ini dan kuasa mentadbirkannya. Ia mahu menyerahkan kepadanya urusan menzahirkan kehendak *masyi'atullāh* dalam kerja-kerja penciptaan, pembentukkan, rombakan, penyusunan, penggubahan dan penukaran (di bumi ini), juga kerja mengeluarkan apa yang ada dibumi ini, iaitu kuasa-kuasa, tenaga-tenaga, hartaharta kekayaan yang terpendam dan bahan-bahan mentah, serta menggunakannya dengan izin Allah untuk melaksanakan tugas khalifah yang agung yang diserahkan Allah kepadanya.

Selaras dengan Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 1948:³ yang menyebut bahawa semua orang berhak kepada suatu taraf hidup yang mencukupi untuk kesejahteraan dirinya dan keluarganya/tanggungannya dari segi makanan, pakaian, perumahan, kesihatan, komunikasi, perkhidmatan sosial dan sebagainya, maka manusia secara umumnya perlu memenuhi keperluan di atas melalui usahanya sendiri mahupun dibantu supaya kehormatan kemanusiaan manusia sebagai khalifah dapat dijunjung.

-

³ Perkara 25

[&]quot;Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu, dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran, kesakitan, ketidakupayaan, diperjandaan, keuzuran atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya". Ibu dan anak adalah berhak kepada jagaan serta bantuan khas. Semua kanak-kanak, samada dilahirkan di dalam maupun di luar nikah, hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

Berdasarkan kemampuan yang dibekalkan oleh Alah dan kewajiban manusia memenuhi tangggungjawabnya sebagai manusia tersebut lahirlah suatu istilah yang menjadi kunci perbahasan pada ucaputama ini iaitu Had al-Kifayah (HK) atau TAHAP KECUKUPAN SARAAN (TKS) dalam taraf kehidupan ekonomi manusia. Hadis Nabi SAW menjelaskan dengan terperinci tanggung jawab setiap lapisan/peringkat khalifah (pemimpin, masyarakat, keluarga, suami, isteri sehingga kepada hamba) dan kegagalan melaksanakannya sudah tentu akan dipersoalkan oleh Allah SWT di hari akhirat kelak.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كُلُّكُمْ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَمَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَمَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهِي مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهِي مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهِي مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهِي مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَامُ رَاعٍ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ وَهِي مَالُو سَيِّدِهِ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَاهُ وَالْمُ وَالْمَامُ رَاعِيَةُ وَهُو مَسْئُولُ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَامُ وَالْمُ لَا عَلَا لَا عَلَاهِ وَالْمَامُ وَالْمُولُ وَلَا عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمُ لَا عَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَالْمُولُ وَلَا عَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَالْمُ لَا اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَيْ مِنْ مَا لَهُ وَلَمْ عَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَا لَا لَهُ عَلَيْهِ وَلَا لَا لَا عَلَاهُ وَلَا عَلَا لَا عَلَيْهِ وَلَا عَلَاهُ وَالْمُ لَا عَلَاهُ وَالْمُعُولُ لَا عَلَاهُ وَالْمُ لَا عَلَيْهِ وَلَا لَعَلِيْهِ وَلَا عَلَاهُ وَالْمُؤْلُولُ عَنْ اللَّهُ عَلَالَالُولُ عَلَالِهُ عَلَاهُ وَلَا عَلَاهُ وَلَا عَلَاهُ لَا عَلَالِهُ عَلَالَالِهُ عَلَيْهِ وَلَا عَلَالِهُ عَلَالِهُ وَلَا لَالْمُ عَلَالِهُ عَلَيْهِ وَالْمُؤْلِقُولُ عَلَالِهُ وَالْمُعُولُ

2. Etimologi al-Kifayah dalam Islam

Dari segi etimologi, perkataan الكفاية al-kifayah terbit dari كفى يكفي كفاية، إذا قام al-kifayah terbit dari ما يحصل به yang bermaksud 'mampu/boleh melaksanakan urusan' atau ما يحصل به الأمر Oleh itu orang yang berstatus kifayah diistilahkan kāfin berdasarkan firman Allah الستغناء عن غيره للقبة بكافي عبدة Kāfin adalah orang yang berkedudukan mampu tanpa tertakluk kepada bantuan dan mampu membina diri dan keluarga. Pemahaman al-kifayah boleh diinspirasikan dan digambarkan dari sebuah hadith al-Bukhārī 4722 dan Muslim 808 yang menyebut:

من قرأ بالآيتين من آخر سورة البقرة في ليلة كفتاه أي أغنتاه عن قيام الليل، وكفاه ما أهمه كفاية وكفاه مؤونته كفاية، وكفيته ما أهمه، والكفية بالضم ما يكفيك من العيش

Konsep kifayah juga digambarkan oleh firman Allah SWTdalam Surah Āli 'Imrān 124:


_

⁴ Al-Mawsū'a al-Fighiyya, Kuwait, Juzuk 35

124. (Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera dari malaikat yang diturunkan?,

3. Istilah dan Asas Konsep Had al-Kifayah dalam Islam

Apakah yang dimaksudkan HK dan apa sumber rujukan ini serta kaedah menentukan had kecukupan keperluan bagi setiap manusia?. Oleh itu pembentukan konsep HK perlu dimulakan dari rujukan asas dari sumber primer Islam iaitu dari al-Quran dan al-Sunnah. Istilah kifayah merangkumi dua perkara iaiatu: TKS (kedudukan tahap ekonomi) dan kadar bantuan bagi mereka yang memerlukan.



Dari segi pandangan fekah, fuqaha al-Ahnaf meletakkan HK sebagai **Keperluan Asas** iaitu yang dapat menghindarkan manusia dari kemusnahan hidup seperti kediaman, perbelanjaan, pakaian, **peralatan dan perabut rumah, alatan ketukangan/kemahiran, buku-buku ilmiah** bagi keluarga mereka dan lainlain lagi yang dapat memenuhi keperluan asas manusia mengikut peredaran zaman. Menurut al-Kasāni dalam syarat pembayar zakat ialah "**dia mempunyai harta yang melebihi keperluan asas yang dengannya tercapai kesenangan hidup dan mendapat kenikmatan dengan harta tersebut kerana ia tidak hanya memerlukan sejumlah keperluan asas semata-mata bahkan perlu memenuhi keperluan kepada pengekalan hidup secara sempurna"⁵**

Istilah HK dalam kerangka pemikiran Islam tidak sama dengan istilah barat 'kemewahan ekonomi' (*rafāhat al-iqtiṣādiyya*) atau 'kemewahan harta benda' (*al-rakhā' al-māddī*) kerana ia berpaksikan kepada sudut material semata-mata yang hanya bertujuan mendapatkan kemewahan ekonomi. Ini tidak selari dengan teori HK dalam Fiqh Islami yang mengistilahkan harta sebagai alat (instrument)

بدائع الصنائع 2/11 ⁵

dan bukan tujuan (objektif). Perkara/keperluan yang bertentangan syariat tidak boleh dimasukkan ke dalam kategori keprluan kifayah.

Dalam Islam, mereka yang memerlukan (tahap kafaf) berhak untuk meminta (Hadith: "Bagi peminta ada hak walaupun datang dengan berkuda" – al-Hasan bin Ali). Sebaliknya jika seorang itu berada di tahap kaya ia diharamkan pula meminta sebagaimana tersebut dalam hadith dari pelbagai musnad dan sunan yang bermaksud sesiapa yang masih meminta sedangkan ia telah kaya, maka Allah akan bangkitkannya dalam keadaan hina dina di akhirat kelak.⁶

Al-Māwardī dalam al-Aḥkām al-Sulṭāniyya menjelaskan perkara HK dengan menyebutkan:

Maksudnya, garis panduan bagi bantuan (zakat) hendaklah bertaraf kifayah yang merupakan pemberian zakat yang disempurnakan kepada golongan fakir dan miskin yang boleh mengeluarkan mereka dari golongan fakir dan miskin seterusnya meletakkan mereka ke dalam golongan terendah dalam golongan orang kaya/senang. Ini memberi maksud bahawa pemberian mestilah berdasarkan tahap kifayah atau kecukupan saraan.

Al-Māwardī menambah keterangan berkenaan kifayah dengan formula yang bermaksud manfaat pemberian bantuan hendaklah mencukupi atau memadai dengan kepeluan sebanar kehidupan seseorang pada sesuatu masa.

Dalil kifayah pertama boleh dirujuk kepada Al-Imam al-Sarakhsī antara lain menyebut pemberian kepada fakir hendaklah memadai dengan kadar keperluan dirinya serta tanggungannya dan garis panduan ini telah dilaksanakan pada pemberian kepada tentera dan keluarga mereka pada zaman awal Islam. Asas inilah yang telah digunakan oleh Khalifah Umar dalam hal kifayah ini dengan katanya (إِذَا أَعَطِيتُم فَأَغُوا) Apabila kamu memberi, berilah sehingga ia tidak memerlukan lagi bantuan (memada dengan keperluannya/). Sebuah kisah menyebutkan kedatangan seorang lelaki mengadu kesempitan hidup kepada Khalifah Umar lalu diberi tiga ekor unta. Lalu dikatakan kepada pemberi yang

-

⁶ Ahmad : 1/441-446, Abū Dawūd 1626, al-Tirmidhī 650, 1840, al-Nasaāī 2593.

الاموال لابي عبيد القاسم بن سلام 7

lain 'teruskan pemberian keatas mereka walaupun mencecah seratus ekor'. Abu Ubaid menjelaskan lagi dengan mengatakan Khalifah Umar sememangnya pernah memberikan bantuan sehingga 100 ekor unta pada zamannya. ⁸

Berdasarkan formula ini, pemikiran ekonomi Islam dalam bantuan keperluan kepada golongan miskin kekal pada asasnya iaitu menyempurnakan tahap kecukupan saraan berlandaskan kepada sebuah hadith yang tersebut dalam *Kanz al-'Ummāl*:

Maksudnya: Sesiapa yang bekerja dengan kami dan dia tidak beristeri, bantulah ia untuk beristeri, yang tiada pembantu, carikan pembantu untuknya atau yang tiada tempat tinggal, sediakan baginya rumah, atau yang tiada kenderaan, sediakan baginya kenderaan. Kaedah ini jelas menunjukkan bahawa tahap kifayah merangkumi pelbagai keperluan hidup yang diperlukan oleh seorang manusia/khalifah.

Dalam buku *Al-Islam Wa Adalat Al-Tawzi'* menyebutkan takrif had al-Kifayah ialah "**satu tahap yang hampir kepada makna kaya iaitu berada di garisan kaya yang paling rendah**"

Mengikut al-Ālūsī dalam kitabnya *Rūḥ al-Ma'ānī*, al-Kifayah ialah memenuhi keperluan yang sangat dekat dengan tahap kaya berdasarkan kaedah pemberian yang lebih, seterusnya mengelakkannya dari masih meminta. Kedudukan ini adalah lebih umum dari hanya mengatasi kekenyangan dan kehausan dan inilah kaedah pemberian nafkah yng diamalkan oleh Nabi SAW.

4. Konsep *al-Ma'ruf* dalam penentuan tahap kifayah

Maksud kifayah yang disebutkan diatas masih belum mempunyai landasan sunnah ilahiyyah yang khusus. Apakah istilah tepat pemikiran Islam dalam hal ini dalam kerangka/konseptualisasi kefahaman kifayah. Satu formula atau teori yang tepat bagi menetukan tahap sebenar konsep al-kifayah perlu ditemukan.

_

⁸ *Al-Kafaf wa al-Kifayah*, Kamil Ṣakr al-Qaysī, 2008, Dubai UAE

Bagi membentuk konsep tersebut kita perlu merujuk kepada petujuk qurani yang terdapat dalam beberapa ayat antaranya dalam Surah al-Bagarah ayat 233:

﴿ وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَ وَكِسْوَتُهُنَ بِٱلْمَعْرُوفَ لَا تُكَلَّفُ نَفْسُ إِلَّا وُسْعَهَا لَا وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَ وَكِسْوَتُهُنَ بِٱلْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسُ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُخسَارَ وَلِدَةُ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودَ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى ٱلْوَارِثِ مِثْلُ ذَٰلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فَضَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُر فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدتُم أَن تَسْتَرْضِعُوا فَصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُر فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدتُم أَن تَسْتَرْضِعُوا أَوْلُدَكُم فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَاتَّقُوا ٱلله وَٱلْمَوْا أَنَ الله وَالله وَالله وَالله عَن تَرَاضٍ مَلْكُمُ إِذَا سَلَمْتُم مَّا ءَاتَيْتُم بِٱلْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا ٱلله وَٱلْمُوا أَنَ الله وَالله وَاللهُ وَالله وَاله وَالله وَا الله وَالله وَالله وَالله وَالله وَالله وَاللّه وَالله وَاللّه وَالله وَالله وَالله وَالله وَاللّه وَاللّه وَاللّه وَالله وَالله وَالله وَالله وَاللّه وَاللّه وَالله وَالله وَالله وَالله وَالله وَاللّه وَالله وَالله

Maksudnya:Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan kadar "ma'ruf" (kadar patut). Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya dan seorang ayah kerana anaknya, dan warispun berkewajiban demikian. Apabila keduanya ingin memisahkan susuan (sebelum dua tahun) dengan kerelaan dan persetujuan keduanya maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut kadar ma'ruf (kadar patut). Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan.

Dalam hal berkaitan, ketika Rasulullah mengarahkan Hindun binti Utbah yang diceraikan oleh Abu Sufiyan dengan matan hadith "خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف yang bermaksud "Ambillah (dari bekas suamimu) keperluan yang mencukupi (al-ma'ruf') bagi kamu dan anakmu".

Rujukan seterusnya menemukan asas kifayah ke atas isteri-isteri yang diceraikan dengan landasan nkifayahnya yang tetapkan dengan formula *alma'rūf*. Ulasan al-Qurṭūbī meyebutkan bahawa bukan kaedah *ma'rūf* jika disamakan keperluan orang berada (kaya) dan orang susah (miskin).

Dalam ayat yang lain, Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 236:

لَّا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ مَا لَمْ تَمَسُّوهُنَّ أَوْ تَقْرِضُواْ لَهُنَّ فَرِيضَةً وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى ٱلْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَّعُا بِٱلْمَعْرُوفَ حَقًا عَلَى ٱلْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَّعُا بِٱلْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى ٱلْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَّعُا بِٱلْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى ٱلْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَّعُا بِٱلْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى ٱلْمُحْسِنِينَ ٢٣٦

Maksudnya: Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka atau sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka, orang yang mampu (luas rezeki/besar pendapatan) dengan menurut kemampuannya dan orang yang susah (sempt reezeki, kecil pendapatan) (الفقير الضيّق الحال) dengan menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian menurut kadar ma'ruf (patut/memadai/mencukupi). yang demikian itu merupakan ketentuan atau kewajipan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.

Dari kesemua petunjuk di atas, jelas kepada kita bahawa penentuan al-kifayah mestilah berdasarkan pendekatan atau teori *al-ma'rūf*. Allah SWT menetapkan bahawa kaedah pemberian kifayah mesti menggunakan kaedah 'ma"rūf kerana semua arahan pemberian dan tuntutan nafkah mestilah mencukupi (kifayah) dan ia hanya dikira terlaksana apabila tahap kecukupan saraan dipenuhi mengikut taraf kehidupan seseorang. Pemberian kepada mereka yang sederhana hendaklah berbeza dengan mereka yang berkedudukan tinggi dan senang seperti dalam 2:36 di atas.

Perkataan *al-ma'ruf* dalam rujukan-rujukan di atas seharusnya menjadi asas formula atau teori dasar kepada konsep HK yang kita bincangkan pada hari ini. Konsep ini perlu dibina, diasaskan dan dan seboleh-olehnya dikuantifikasikan (nilai berangka) supaya ia dapat menjadi kayu ukur kepada sistem saraan dalam Islam.

Allah SWT menerangkan fenomena tanggungan keluarga melalui ayat di atas dengan mendatangkan contoh apabila berlaku talak ke atas wanita di mana kita perlu menanggung dan menyenangkan mereka dengan bantuan/saraan yang mencukupi dan memadai dengan keadaan hidup seseorang dari segi status ekonominya. Mereka yang bependapatan rendah memerlukan saraan yang sesuai dengan keperluannya, yang berpendapatan sederhana pula dengan keperluannya yang sesuai dan begitulah pula dengan mereka yang berpendapatan tinggi. Saraan kehidupan mereka perlulah memadai dengan keperluan hidup mereka. Seorang bapa yang mempunyai tanggungan dua orang anak tentulah tidak sama dengan keluarga yang tidak mempunyai seorang anak

معجم المعاني الجامع أقتر الرَّجُلُ : قتر ؛ افتقر ، ضاق عيشُهُ وقلَّ مالُه 9

atau mempunyai empat orang. Perkataan "matā'an bi al-ma'rūf" ialah perbelanjaan/saraan yang mencukupi.

5. Menyelaraskan konsep al-Ma'rūf dengan al-'Urf

Penentuan had kifayah (atau TKS) adalah subjektif mengikut masa tempat dan tahap ekonomi seseorang namun ukuran yang digunakan dalam al-Quran ialah al-ma'rūf (المعروف). Maksud al-ma'rūf ialah yang baik, sesuai, memadai serta mengikut 'urf atau uruf seseorang mengikut keperluannya. Ini bersesuaian dengan makna literal perkataan al-ma'rūf yang disamakan dengan maksud 'urf di dalam Lisan al-Arab:

Terdapat cabaran besar dalam memaknakan makruf dan urf kerana konsep ini belum dapat dikira atau dikuantifikasikan. Al-Nasafi dalam al-Mustaṣfā mentakrifkannya sebagai:


Manakala Ibn 'Ābidīn dalam Sharḥ a-Taḥrīr mentakrifkan uruf dengan "المتكرر من غير علاقة عقلية bermaksud perkara yang berlaku secara berulang-ulang tanpa ada hubungan rasional yang nyata dan bagi beliau adat dan uruf mempunyai pengertian yang sama. Secara dasarnnya kita boleh simpulkan makna makruf/uruf sebagai sesuatu amalan atau keperluan manusia yang menjadi lazim kepada sesuatu kumpulan manusia pada masa dan tempat tertentu. Urf dan HK berkongsi sifat dinamik dan senantiasa bersedia menerima perubahan. Tambahan pula, uruf dalam Islam merupakan instrument penentuan hukum dalam usul Fiqh sebagaimana disepakati oleh al-Shāṭibī, al-Suyūṭī, Ibn 'Ābdīn dan lain-lain lagi. Mereka mendasarkan pegangan alhli fekah dan usul kepada uruf melalui dalil dari Surah al-A'rāf 198:

Oleh kerana sifatnya yang progresif, ia kekal sebagai suatu keluasan syarak dalam ketentuan nilai uruf yang hanya ditakrifkan oleh ulama sebagai:

_

ر سائل ابن عابدین 114/2 ¹⁰

Konsep HK dalam Islam



6. Elemen kifayah dalam kecukupan saraan

Tidak dapat dinafikan bahawa pengiraan kecukupan saraan adalah sesuatu yang sukar serta sangat subjektif. Setakat ini tiada suatu formula atau nilai cukup dapat dimuktamadkan. Ini kerana saraan akan tertakluk kepada faktor isirumah, makanan, kediaman, keadaan ekonomi, masa dan kekangan hidup. Namun begitu dengan adanya sandaran rujukan *al-kafāf* yang banyak diperkatakan oleh Nabi Muhammad SAW dan para ulama silam serta moden, maka usaha menentukan kadar saraan kifayah patu syariah menjadi semakin jelas.

Kecukupan saraan tertakluk kepada formula makruf iaitu kedudukan ekonomi yang sesuai pada uruf seseorang, sesebuah keluarga, masyarakat dan negara. Perkataan makruf terbit dari 'arafa (عرف) yang bermakna amalan baik, maklum, uruf atau menepati budaya. Sebagai contoh, uruf di Malaysia pada tahun 2010 sehingga masa kini menujukkan bahawa penggunaan telefon pintar (dengan data atau akses internet) melebihi 95% dan dengan kadar penembusan akses internet 2015 sebanyak 67% maka uruf menjadikan penggunaan telefon mudah

والمعروف اصطلاحا : كل ما كان معروفا ففعله مستحسن غير مستقبح في أهل الإيمان بالله ، وإنما سميت طاعة الله معروفا ؛ لأنه مما ¹¹ يعرفه أهل الإيمان ولا يستنكرون فعله ، وقيل : هو اسم جامع لكل ما عرف من طاعة الله والتقرب إليه والإحسان إلى الناس

alih boleh dikategorikan sebagai keperluan kifayah. Maka seharusnya saraan bagi tujuan tersebut dimasukkan kedalam kiraan had al-kifayah. Kereta atau motosikal pula adalah sebahagian keperluan hidup bagi masyarakat miskin, sederhana dan kaya di Malaysia dan ia dikira sebagai keperluan kifayah manusia. Perkara ini diperkukuhkan dalam kisah nabi Khidir dan Musa yang mengisahkan kehidupan orang miskin yang mempunyai sampan untuk menyara kehidupan. Secara logiknya pada zaman itupun orang miskin mempunyai/menggunakan sampan maka sayugia pada masa sekarang tahap kifayah manusia memerlukan kereta untuk bekerja. Begitulah keadaanya dengan keperluan-keperluan yang lain dalam konteks kehidupan manusia pada zaman sekarang. Oleh itu, item hadal-Kifayah yang diambil kira ialah makanan, pakaian, kediaman, utiliti, pengangkutan, penjagaan kesihatan, perbelanjaan persekolahan, komunikasi dan saraan moden.

7. Had al-Kifayah dan Had al-Kafaf

Sesungguhnya Islam telah meletakkan acuan bagi memenuhi keperluan hidup manusia dan kayu ukur tersebut ialah Had al-Kifayah (Tahap kecukupan saraan) dan bukannya Had al-Kafaf (Tahap Memerlukan). Terdapat perbezaan antara dua istilah tersebut kerana al-kafaf adalah kemampuan manusia untuk mencapai keperluan asas kehidupannya di tahap yang rendah dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa. Ia adalah merupakan istilah yang bermaksud tahap yang lebih tinggi dari golongan fakir dan miskin dalam teori ekonomi Islam. Ini adalah kerana golongan kafaf tidak mampu mencapai tahap cukup (kifayah) dalam memenuhi keperluan hidup mereka. Golongan fakir ialah mereka yang tiada harta dan pendapatan yang boleh memenuhi keperluan hidup manakala golongan miskin pula ialah golongan yang mempunyai sedikit harta tetapi tidak cukup. Golongan kafaf pula adalah mereka yang berada di kedudukan yang lebih sedikit dari dua golongan terawal tadi.

Yang dimaksudkan kafaf dalam rezeki ialah sesuatu yang masih diperlukan oleh manusia (Lisan al-Arab-IbnManzur). Menurut Ibn Hajar, 'kafaf' ialah kifayah yang tidak lebih dan tidak kurang manakala al-Qurtubi pula mengatakan sesuatu yang dapat memenuhi keperluan yang mengeluarkannya dari perkara darurat asas tetapi tidak sampai ke tahap bermewah-mewah. Secara dasarnya ia adalah tahap yang tidak berlebihan dan cuma sekadar untuk memenuhi keperluan. Hadis Nabi dari Muslim menyatakan:

(HR Muslim) Berjayalah mereka yang menyerah diri kepada Allah dan mendapat bekalan kafaf dan dicukupkan Allah rezekinya. Sabda Nabi menyebutkan


(Sahih Ibn Hibban) yang bermaksud "Ya Allah, kurniakan rezeki yang kafaf kepada keluarga Nabi Muhammad". Sebuah hadith dari al-Tarmizi yang menjelaskan tentang kafaf juga menyebutkan "Sesungguhnya orang senang yang paling aku suka ialah mereka yang dikurniakan rezeki kafaf". Sabda Nabi SAW lagi menyatakana: (HR Muslim 1036)

Bermaksud: Wahai manusia, sesungguhnya jika kamu berusaha mendapat kelebihan (kifayah), itu sangat baik bagi kamu, jika kamu tidak berusaha kearah itu, ia sangat buruk bagi kamu. Jangan kamu menyalahkan tahap kafafmu/kesusahanmu. Berusahalah mencukupkan rezeki keluarga mu kerana tangan berusaha adalah lebih baik dari tangan meminta.

Kata Nabi lagi: إن الله إذا أحب عبدا جعل رزقه كفافا! Menurut al-Shawkani dalam al-Fayd a-Qadir, kafaf adalah ukuran kecukupan yang tidak berlebihan sehingga menjadi kaya dan tidak pula berkurangan yang menyusahkan kehidupan seseorang. Kekayaan boleh menyebabkan kebanggaan diri yang merosak manakala kefakiran boleh membawa kepada kehinaan diri yang mencengkam. Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Umar dari Sahih Muslim: لموددت أن حظي منها الكفاف yang bermaksud, seboleh-bolehnya aku ingin mendapat habuan yang kafaf yang tidak membebankan atau melebih-lebihkan aku.

Ketika Saidina Umar RA hadir di pembukaan Mekah, ia membaca surat al-Fath dan berkata: sesungguhnya aku sangat memenuhi semua keperluan yang menyenangkan urusan manusia dan jika aku tidak mampu, aku akan merasa kesal sehinggalah kita berada dalam keperluan yang memadai bersama-sama.

Had al-Kifayah ialah suatu tahap yang menghampiri makna kaya atau berada pada garisan paling bawah bagi tahap kaya. Keperluan saraan akan berubah berdasarkan faktor-faktor kenaikan indeks harga pengguna dan inflasi dari masa ke semasa. Tahap kedudukan saraan dalam Islam dapat digambarkan seperti berikut:



Dasar Had al-Kifayah yang perlu digunapakai dalam pemberian bantuan kepada yang memerlukan adalah berdasarkan kepada status ekonomi sebuah kehidupan. Hadith Nabi SAW dalam hal hadanah Hindun binti Utbah menyebutkan "خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف", "Ambillah apa-apa harta yang mencukupkan (kifayah) bagimu dan anakmu dengan qadar yang sepatutnya" (sesuai dengan keperluan kehidupannya). Adalah sesuatu yang menyalahi prinsip jika keperluan anak dari golongan senang (kaya) disamakan dengan keperluan anak dari golongan susah (miskin). Dalam keperluan pula, ia tidak terhad kepada makan dan minum tetepi perlu mengambil kira pendidikan, kesihatan, pengangkutan, komunikasi dan lain-lain keperluan yang perlu ada pada masa-masa tertentu. Kadar penentuan kifayah yang makruf boleh diputuskan oleh ilmuan Islam mengikut masa dan tempat tertentu (Kamil Sakr, 2008).

وأما التقدير، الذي عده بعض العلماء من باب الأخذ بالعرف، فإن بعض النصوص الشرعية جعلت تقدير بعض الأمور الكمية أو النوعية، راجعاً لما هو معروف بين الناس، كتقدير الأجور والمهور والنفقات، مستشهدين بقوله تعالى: (وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف) (233/ البقرة)، وبقوله صلى الله عليه وسلم لهند زوجة أبي سفيان، وقد شكت له شح زوجها: (خذي ما يكفيك وولدك .بالمعروف) رواه البخارى

8. Kajian Had al-Kifayah (Tahap Kecukupan Saraan) bagi negeri Pahang Darul Makmur 2012

Satu kajian telah dijalankan oleh Jabatan Sains Kemanusiaan UMP bagi mengenalpasti keperluan HK bagi penduduk di Pahang pada 2012. Berpandukan metodologi kajian tertentu serta bersandarkan kajian literatur yang mendalam, kajian telah dijalankan ke atas 1544 responden (*multistage cluster sampling*) berumur dari 20-85 tahun yang dibahagikan mengikut 11 daerah dan lokasi (bandar, pinggir bandar, luarbandar dan tanah rancangan seperti Felda dsb) dan pelbagai lapis masyarakat termasuk golongan asnaf, sederhana, sederhana tinggi

dan golongan peniaga yang meliputi penjawat awam, pekerja swasta, bekerja sendiri dan penganggur.

Item soalselidik dibahagikan kepada 9 bahagian iaitu makanan, pakaian, kediaman utiliti, penjagaan kesihatan, pengangkutan, perbelanjaan persekolahan, komunikasi dan saraan moden. Jumlah semua soalan dalam soalselidik ialah 64 selain maklumat demografi. Semua item soalan yang dibangunkan oleh perunding adalah berpandukan kepada Indeks Harga Pengguna oleh Jabatan Statistik Malaysia 2010 yang meliputi 'bakul' barangan dan perkhidmatan (basket of goods and services) seperti yang disenaraikan dalam United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP) yang disesuaikan dengan masyarakat Malaysia.

9. Dapatan Asas Kajian HK Pahang

Berdasarkan purata isirumah bagi Pahang iaitu 4 orang (4.5 piawai statistik), berbanding dengan pendapatan purata, maka secara asasnya seluruh rakyat negeri Pahang masih tidak berada pada tahap had al-Kifayah. Jadual adalah seperti berikut:

Purata Pendapatan	2197.81
Jumlah Had al-Kifayah	2284.40
Kurangan/Lebihan Kifayah	- 86.59

10. Alternatif kepada Penentuan PGK

Dapatan di atas secara teorinya mampu mengetengahkan alternatif kepada tolakan zakat yang lebih realistik, telus dan adil berbanding dengan pendekatan sedia ada. Keadilan perlu menjadi asas kiraan HK berdasarkan kepada firman Allah SWT (al-Māidah 8):

Maksudnya: Berlaku adillah, Karena adil itu lebih dekat kepada takwa. dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Perbandingan PGK dan Had al-Kifayah 2012 Pahang berdasrkarkan Laporan HK Pahang 2012.

EPU 2012		HK 2012	Jumlah	
MSIKIN TEGAR (FAKIR) 2009	RM460	Jenis isirumah	Keperluan Had Kifayah berdasarkan isirumah/1 orang	
MISKIN	RM760	Ketua keluarga	1166.34	
		Pasangan bekerja	616.34	
		Pasangan tidak bekerja	159.68	
		Anak 0-6 tahun bersekolah	318.18	
		Anak 0-6 tahun bersekolah	148.18	
		Anak 7-18 tahun bersekolah	249.78	
		Anak <7 tidak bersekolah/tiada pendapatan	148.18	
		Anak 18 tahun ke atas (pendidikan lanjutan)	241.48	

Jika diteliti, angka-angka yang ditunjukkan antara EPU 2012 dan HK dalah sangat berbeza di mana EPU melatakkan angka lebih kecil. Ini semestinya berlaku kerana pengiraan adalah berasaskan tahap kemiskinan dan bukan kifayah atau living cost yang patuh syariah.

Semua angka kajian di atas pula akan tertakluk kepada perkembangan trend perbelanjaan semasa rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Sebagai contoh, perbelanjaan bulanan purata isi rumah meningkat 12.1 peratus kepada RM2,190 pada tahun 2009/10 daripada RM1,953 yang dicatatkan pada tahun 2004/05. Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain yang merupakan penyumbang tertinggi kepada keseluruhan perbelanjaan isi rumah melonjak 15.1 peratus kepada RM495 pada 2009/10 berbanding RM430 pada 2004/05. Ia diikuti oleh perbelanjaan bagi Makanan dan minuman bukan alkohol yang meningkat 13.0 peratus kepada RM444 daripada RM393, Restoran dan hotel meningkat 12.2 peratus kepada RM239 daripada RM213 dan Pengangkutan naik 4.1 peratus kepada RM327 daripada RM314.

Pada keseluruhannya, perbelanjaan bulanan purata isi rumah melonjak 88.6 peratus kepada RM2,190 pada tahun 2009/10 daripada RM1,161 pada tahun 1993/94. Perbelanjaan bagi empat kumpulan utama menunjukkan peningkatan ketara iaitu Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (102.0%), Pengangkutan (94.6%), restoran dan hotel (64.8%) dan Makanan dan minuman

bukan alkohol (60.9%).Perbelanjaan bulanan purata bagi pendidikan meningkat daripada RM17 pada 1993/94 kepada RM38 pada 2004/05 dan seterusnya menurun kepada RM31 pada tahun 2009/10. Penurunan adalah disebabkan oleh yuran yang lebih rendah bagi sekolah peringkat rendah dan menengah mulai tahun 2008. Syor alternatif berdasarkan kajian HK seperti berikut:

Kategori Isirumah	FAKIR	MISKIN	KAFAF	KIFAYAH
Nilai (anggaran)	0 - 49%	50-79%	80 -99%	100%
Ketua Keluarga	600	960	1,080	1,200
Pasangan Yang Bekerja	300	480	540	600
Pasangan Yang Tidak Bekerja	100	160	180	200
Anak 0-6 Tahun Bersekolah	150	240	270	300
Anak 0-6 Tahun Tidak Bersekolah	75	120	135	150
Anak 7-18 Tahun Bersekolah	125	200	225	250
Anak 7 Tahun Ke Atas Tidak Bersekolah/Tidak Berpendapatan	75	120	135	150
Anak 18 Tahun Ke Atas (Pendidikan Lanjutan)	125	200	225	250

10. Kesimpulan

Manusia tidak boleh kekal dalam keadaan garisan kefakiran atau Had al-Kafaf kerana ia bertentangan dengan sunnah kehidupan serta ajaran Islam secara keseluruhan. Manusia yang berada di garisan ini adalah terlalu daif, tidak produktif dan tidak mampu menyumbang dalam tangungjawabnya sebagai khalifah. Mungkin maqasid hajiah telah berubah kepada daruriah dan tahsiniah telah berubah menjadi hajiah dengan hukum peredaran zaman dan kini kita telah berada di abad ke 21! Malah maqasid tahsiniah akan melengkapkan kemuliaan akhlaq dan adat apabila sumber-sumbernya telah meluas dalam masyarakat. Pasti benar elemen had kifayah asas akan kekal namun senarai ini perlu terus dinamik sesuai dengan keperluan terkini kehidupan manusia. Jika ini

dicukupkan, baharulah tahap kehidupan manusia akan berada di tahap yang selayaknya sebagai manusia pada zamannya.

- a. Had al-Kifayah ialah tuntutan Islam terhadap individu khalifah yang dipertanggung jawabkan oleh Allah. Oleh itu, setiap manusia menanggung amanah bagi menyempurnakan tuntutan tersebut dengan segala kudrat dan iradat mereka supaya hikmah kejadian manusia dapat direalisasikan di atas muka bumi Allah. Manusia tidak dijadikan sia-sia, maka mereka dibekalkan dengan kekuatan fizikal dan mental yang melayakkan dirinya bergelar khalifah. Mencapai tahap kifayah adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam.
- b. Selari dengan tuntutan menyempurnakan HK dalam kos saraan/ infaq bagi isirumah, Had al-Kifayah adalah kaedah pengukuran/pentaksiran bagi tolakan zakat, merupakan konsep terbaik untuk dilaksanakan. Kiraan HK adalah lebih menepati kehendak syarak berbanding dengan kaedah kiraan/tolakan yang tidak menggunakan pendekatan kifayah.
- c. Dari perspektif agihan zakat oleh agensi-agensi berkaitan, nilai kuantiti bantuan pula haruslah berpandu kepada formula HK yang berdasarkan konsep al-ma'rūf yang berteraskan Islam serta dipersetujui oleh jumhur ulama'. Mungkin jumlahnya agak besar dari amalan semasa namun pendekatan kifayah adalah kaedah Islam terbaik bagi meningkatkan taraf hidup manusia sesuai dengan fitrah kalifah.
- d. Cabaran agihan berdasarkan kifayah memerlukan kefahaman dan anjakan paradigma dari segi perspektif tamadun Islam yang tidak pernah menolak kemajuan pembangunan lestari bagi seluruh umat manusia. Islam adalah agama tinggi melebihi dari yang lain dan sewajarnya tamdaun umat Islam berada di kedudukan ekonomi gemilang seperti yang digambarkan pada zaman Khalifah Umar b Aziz yang sukar mencari mereka yang memerlukan bantuan zakat.
- e. Had al-Kafaf bukan kaedah bantuan wajar pada kurun ke-21. Had al-kafaf hanya memenuhi daruriat dalam kehidupan manusia sedangkan HK mampu memenuhi hajiat manusia yang sesuai dengan peranannya sebagai khalifah. Had al-Kifayah perlu merangkumi semua kaedah saraan termasuk penggajian. Masyarakat barat sebagai contoh, kini menuju kepada kaedah penggajian berasakan 'living wage' (kifayah) dan bukannya 'minimum wage' (kafaf). Dalam negara Islam, hal ini sepatutnya menjadi keutamaan kerana kifayah adalah tuntutan utama dalam pembangunan ekonomi dan tamadun Islam.

- f. Had-al-kifayah memenuhi maqasid syariah dalam menyempurnakan kehidupan manusia. Ianya membawa kebaikan (jalb al-maṣālih) dan menghindarkan kesusahan dan penderitaan manusia (dar' al-mafāsid). Ketiga-tiga maqasid syariah iaitu perkara dharuriyāt, hājiāt dan tahsiniyyāt akan dapat disempurnakan melalui kaedah had al-Kifayah. Harus difikirkan kemungkinan perubahan status tahsīniyāt kepada hājiyāt dan perkara hājiāt telah berubah menjadi ḍarūriyāt pada masa sekarang. Kemewahan hidup yang lain pula akan mengisi istilah tahsiniyyāt.
- g. Oleh itu, sewajarnya kita mula mengukuhkan dan menengenahkan istilah Had al-Kifayah dalam urusan perzakatan/percukaian, kutipan dan agihan kerana pertamanya ia adalah istilah Islamik, autoritatif serta fundamental dan mempunyai rujukan asas dari sumber al-Quran dan Hadith nabi SAW.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Rujukan

Al-Qurān

Al-Hadith

Al-Fanjari, Muhammad Shauqi (2010) *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil. 1. Wizarat al-Auqaf, http://www.shamela.ws

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahyuddin Ibn Sharf (Tahqiq: Muhammad Najib Muti'i), (t.th.) *Kitab al-Majmu' ala Sharh al-Muhazzab Li al-Shirazi,* Jeddah: Maktabah Irshad.

Al-Shafii, Muhammad Ibn Idris (Tahqiq: Rif'at Fauzi Abd al-Muttalib), (2001) al-Um, Cet.1., Jil. 3, Mansurah, Mesir: Dar al-Wafa'.

Al-Shaukani, Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad ibn Abdullah (Tahqiq: Muhammad Subhi ibn Hasan Hallaq) (t.th) *al-Fath al-Rabbani Min Fatawa al-Imam al-Shaukani*, Sanaa', Yaman: Maktabah al-Jil al-Jadid, Jil. 7: 3261

Al-Shaukani, Muhammad Ibn Ali, (t.th.) *Nail al-Auṭar: Min ahadith Sayyid al-Akhyar*, j.4, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.

Darwazah, Muhammad Azzah (2002) *al-Tafsir al-Hadith: Tartib al-Suar Hasba al-Nuzul*, c.2, Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami

Ibn Qudamah al-Maqdisi (meninggal dunia 683H) (1996) *al-Mughni Li Ibn Qudamah* (meninggal dunia 630H) Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir, Cet. 1, Jil. 4, Kaherah: Dar al-Hadith.

Indeks harga pengguna 2012, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi

Mohamed Saladin Abdul Rasool, Arifin Md Salleh & Mohd Fauzi Mohd Harun (2012) *Poverty measurement by Islamic Institutions*, World Academy of Science, Engineering and Technology, issue 0065, May 2012, http://www.waset.org/journals/waset/v65/v65-50.pdf

Qaradhawi, Yusuf al- (1991) Fiqh al-Zakah, c.20, Beirut: Mu'asassah al-Risalah.

Sayyid Hawwā (1988), *al-Islām*, Beirut: Dār 'Ammār.

Shami, Salih Ahmad al- (1992) *al-Sirah al-Nabawiyyah: Tarbiyyah al-Ummah wa Bina'u Daulah*, c.1, Beirut: al-Maktabah al-Islami

Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim & Siti Norliza Jumali (2012) *Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan,* Prosiding PERKEM VII, Jil. 1(2012):ISSN:2231-962X,

http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_1D1.pdf

Tajribah Diwan al-Zakah Fi Takhfif Had al-Faqr, http://www.zakatsudan.org/index9ae4.html, 2 Januari, 2006.

Uwais, Abd al-Halim (2004) *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*, c.1, Mansurah: Dar alWafa'

Zuhaily, Wahbah al- (1989) al-Figh al-Islami wa Adillatuh, c.3, Syria: Dar al-Fikr.